

# Pemimpin muda mesti amanah: MB

TELUK INTAN, Ahad — Generasi muda yang berhasrat menjadi pemimpin politik disegani mesti menjalankan tugas dan tanggungjawab memimpin dengan jujur serta ikhlas.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Ramli Ngah Talib, berkata golongan Pemuda dan Wanita Umno berminat menjadi pemimpin, mesti dapat menjalankan pelbagai kegiatan yang boleh memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

"Sikap mementingkan diri sendiri dalam apa jua kegiatan akan merugikan mereka dan masyarakat sukar menerima kepemimpinan mereka," katanya ketika merasmikan majlis pelancaran khemah kerja kebajikan anjuran pergerakan Pemuda Umno Pasir Salak, di sini hari ini.

Datuk Seri Haji Ramli berkata pemimpin baru tidak boleh menonjolkan segala kegiatan dianjurkan kepada masyarakat untuk faedah diri sendiri kerana lambat laun ia akan mudah diketepikan oleh orang ramai.

Katanya sebagai pemimpin yang memiliki kewibawaan tersendiri, mereka juga tidak harus

mudah menerima sesuatu kepemimpinan yang boleh merosakkan masyarakat.

"Pemimpin muda harus menumpukan kepada pemimpin utama yang perlu diikuti supaya tidak mudah terpesong dengan perjuangan asal pertubuhan disertai," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap golongan muda memberikan sokongan penuh kepada kepemimpinan sedia ada, terutama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan timbalannya, Encik Ghafar Baba.

Beliau menasihatkan golongan muda supaya tidak mudah dipengaruhi oleh pemimpin yang suka membuat fitnah terhadap kepemimpinan kerajaan sekarang kerana ia akan merugikan mereka.

Katanya dalam konteks perjuangan Umno, ahli perlu berdisiplin dan mengikut peraturan supaya tidak terkeluar daripada landasan perjuangan sebenar.

"Kepemimpinan Umno akan terus dikekalkan jika landasan perjuangannya difahami, dihayati dan dipatuhi oleh setiap ahlinya," katanya.